



KENYATAAN MEDIA

7 Mac 2016

Empat Kertas Kerja Dibentang Pada Kolokium Media Baharu dan Masyarakat

Pauh Putra, 7 Mac: Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan pada Kolokium Media Baharu dan Masyarakat anjuran bersama Majlis Profesor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pembentangan pertama dimulakan Ketua Bahagian Pengawasan Digital SKMM, Harme Mohamed yang bertajuk *“New Media: Issues, Challenges and Impact to Society”*.

Manakala bagi pembentangan kedua pula adalah daripada Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Dr. R. Badlishah Ahmad yang bertajuk *“Advancement of Information Technologies Through New Media”*.

Dua lagi pembentangan adalah dari Ketua Bahagian Komunikasi Digital dan Koordinasi Program SKMM, Nor Akmar Shah Minan dengan tajuk *“Smart Sustainable Community Towards a Smart Digital Nation”* dan Ketua Jabatan Perancangan Spektrum-Perkhidmatan Bergerak SKMM, Syed Khairulazrin Syed Khairuldin bertajuk *“The Future Of Mobile Broadband Enabling A Smart Digital Nation”*

Terdahulu, turut diadakan sesi perbincangan yang bertajuk *“Academic and Regulatory Aspiration on the New Media and Society in Malaysia”* yang disertai tiga ahli panel iaitu Ketua Pegawai Sektor Keselamatan Rangkaian, Penguatkuasaan dan Advokasi, SKMM, Zulkarnain Mohd Yasin, Penolong Naib Canselor Komunikasi Korporat UniMAP, Datin Prof. Dr. Zuraidah Mohd Zin dan Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan TeknoKomunikasi (IKOM) UniMAP, Prof. Madya Dr. Huzili Husin.

Kolokium selama sehari itu diadakan di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP. Ia bertujuan untuk berkongsi ilmu dan melahirkan golongan pemikir dari kalangan profesor di bahagian utara Malaysia.

Majlis Perasmian disempurnakan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP, Prof. Dr. Abdul Hamid Adom. Turut hadir, Pengerusi Majlis Profesor UniMAP, Prof. Dato' Ali Yeon Md. Shakaff.

Dikeluarkan Oleh :

Mohd Basri Basir (mbasri@unimap.edu.my)

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP